


Syazlin patut terus wakili keluarga Adib - PM



Oleh **FADZIL ZAINOL**
dan **FARHANA JONI**
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 28 MEI**

PEGUAM Syazlin Mansor yang menarik diri daripada prosiding inkuies kematian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd. Kassim sepatutnya terus kekal mewakili keluarga Allahyarham.

Perkara itu ditegaskan Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa tidak boleh berlaku peguam berkenaan mewakili kerajaan dan keluarga Muhammad Adib secara serentak kerana kedua-dua pihak mempunyai tujuan

berbeza terutama kerajaan yang ingin mencari sebab-sebab anggota bomba tersebut meninggal dunia.

Penjelasan Perdana Menteri itu dilihat selari dengan kenyataan Peguam Negara, Tommy Thomas bahawa Syazlin berada dalam kedudukan konflik kepentingan apabila bersetuju mewakili Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tetapi masa sama turut mewakili keluarga Allahyarham yang mempunyai kepentingan langsung dalam inkuies.

"Ini kerana pihak yang memilih peguam itu tidak sedar dia ini juga menjadi peguam keluarga Muhammad Adib. Jadi bila

sudah diketahui, dia mesti tarik diri daripada mewakili kerajaan.

"Dia patut teruskan menjadi peguam bagi pihak Muhammad Adib. Tetapi dia tarik diri semua (termasuk mewakili keluarga Muhammad Adib)," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) di sini hari ini.

Syazlin semalam mengumumkan menarik diri daripada prosiding inkuies kematian anggota bomba itu.

Dr. Mahathir mahu setiap pihak menaruh keyakinan terhadap sistem kehakiman Malaysia berikutan isu yang timbul.

Perdana Menteri turut mempertahankan Tommy bahawa Peguam Negara itu hanya menjalankan tugas dan membuat keputusan berdasarkan alasan tertentu, meskipun didesak ramai pihak supaya meletakkan jawatan.

Ketika ditanya siapa yang bersalah dalam isu pelantikan Syazlin, Dr. Mahathir berkata, pihak yang melantik peguam itu tidak mengetahui bahawa dia turut mewakili pihak Muhammad Adib dan kemudian secara berseluruh bertanya kepada pemberita adakah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin perlu dipecat.